

# Terma-terma dan Syarat-syarat Am Penyerahan Siegwerk Malaysia Sdn. Bhd.

## 1. Skop Kesahan

- 1.1 Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis, Terma-terma dan Syarat-syarat Am Penyerahan ("Terma-terma Penyerahan") ini akan diguna pakai secara eksklusif bagi semua penyerahan dan pelaksanaan yang dibuat oleh Siegwerk Malaysia Sdn Bhd ("Siegwerk"). Sebarang terma-terma dan syarat-syarat am penerima barangan/perkhidmatan ("Pembeli") yang mungkin kelihatan dalam pesanan pembelian Pembeli atau dalam sebarang komunikasi lain daripada Pembeli yang bercanggah dengan Terma-terma Penyerahan ini tidak akan mengikat ke atas Siegwerk, meskipun sekiranya Siegwerk tidak menyangkalnya dengan nyata atau jika Pembeli berkeras untuk membeli berdasarkan terma-terma sendiri sahaja. Terma-terma Penyerahan ini turut diguna pakai jika Siegwerk telah menyerahkan barangan, memberikan perkhidmatan atau menerima pembayaran tanpa perizaban. Sebagai langkah beringat-ingat, Siegwerk dengan ini menentang terma-terma Pembeli yang bercanggah.
- 1.2 Terma-terma Penyerahan ini meminda sebarang perjanjian rangka kerja yang dimasuki oleh Pihak-pihak. Sekiranya terma-terma yang bercanggah dipersetujui secara individu, Terma-terma Penyerahan akan diguna pakai secara subordinat dan tambahan.
- 1.3 Sebarang penerimaan mana-mana bahagian Terma-terma Penyerahan ini akan dianggap penerimaan semua terma-terma ini oleh Pembeli sepertimana ditulis, tanpa perubahan.

## 2. Pembuatan Kontrak

Tawaran yang dibuat oleh Siegwerk adalah tertakluk kepada pengesahan. Kontrak hanya diikat dengan pengesahan pesanan bertulis atau melalui pelaksanaan pesanan oleh Siegwerk.

## 3. Harga

- 3.1 Harga Siegwerk disebut atas dasar 'ex works'.
- 3.2 Sekiranya kos lazim bagi produk meningkat lebih daripada 10%, Siegwerk berhak menaikkan harganya secara unilateral dengan mempertimbangkan ekuiti dan perubahan kos masing-masing. Hak ini tidak wujud jika tarikh penyerahan adalah dalam tempoh 3 bulan daripada penamatan kontrak tersebut.
- 3.3 Jika Siegwerk menaikkan harga disebabkan kenaikan kos, Pembeli berhak membatalkan kontrak, dan dengan itu setiap Pihak hendaklah menanggung kos pembatalan mereka sendiri. Pembeli mempunyai obligasi untuk mengisytiharkan pembatalan kontrak kepada Siegwerk secara bertulis dalam masa 2 minggu selepas penerimaan maklumat tentang kenaikan harga. Jika tidak, kenaikan harga akan dianggap diluluskan.

## 4. Penyerahan, Tarikh Penyerahan, Kelewatan untuk Menyerahkan

- 4.1 Penyerahan dan pelaksanaan separa dibenarkan menurut skop yang munasabah.
- 4.2 Sekiranya Siegwerk melewati tarikh penyerahan atau pelaksanaan yang dipersetujui, atau sekiranya Siegwerk tidak memenuhi obligasi kontraktual lain tepat pada masanya, Pembeli mempunyai obligasi untuk menetapkan tempoh tangguh yang suaimanfaat.
- 4.3 Sekiranya penyerahan atau pelaksanaan tidak dibuat dalam tempoh tangguh dan sekiranya atas sebab ini Pembeli ingin melaksanakan haknya untuk membatalkan kontrak atau menuntut gantirugi dan bukannya penyerahan/pelaksanaan, Pembeli mempunyai obligasi untuk memaklumkan Siegwerk tentang perkara ini terlebih dahulu, memberikan satu lagi tempoh tangguh yang munasabah dan menuntut penyerahan atau pelaksanaan.

## 5. Tempat Pelaksanaan/Penyerahan, Pemindahan Risiko

Tempat pelaksanaan/penyerahan serta pemindahan risiko akan dianggap ditakrifkan selaras dengan 'Incoterms' daripada International Chamber of Commerce (Incoterms 2010). Jika tiada persetujuan individu dicapai, terma "ex works" akan diguna pakai.

## 6. Penahanan Hak Milik

- 6.1 Hak milik terhadap barangan yang diserahkan akan terus dipegang oleh Siegwerk sehingga semua tuntutan berkaitan dengan barangan telah dibayar sepenuhnya (barangan yang ditahan).
- 6.2 Di mana barangan telah ditukar, disambung dan/atau digabungkan dengan barangan lain, Siegwerk berhak terhadap pemilikan bersama produk baru ini secara berkadar dengan nilai diinois bagi barangan kontraktual yang diserahkan oleh Siegwerk semasa pertukaran, sambungan dan/atau penggabungan (barangan yang diproses).
- 6.3 Pembeli hanya boleh menjual barangan yang ditahan atau barangan yang diproses dalam perjalanan biasa perniagaan. Pembeli hendaklah menyerah hak kepada Siegwerk tuntutan terhadap pihak ketiga yang membeli menurut jumlah invois. Pembeli berhak memungut tuntutan yang diserah hak sehingga pembatalan dilakukan oleh Siegwerk. Barangan hanya boleh disandarkan atau digunakan bagi gadaai janji catel dengan kebenaran terdahulu daripada Siegwerk.
- 6.4 Sekiranya berlaku keingkaran pembayaran, pemberhentian pembayaran yang bakal berlaku, pendedahan yang tidak memuaskan tentang insolvensi atau situasi kewangan Pembeli atau sekiranya berlaku sebarang penutupan gadaai janji atau nota bantahan serta permulaan prosiding insolvensi terhadap aset Pembeli, Siegwerk berhak mengambil balik barangan yang ditahan tanpa notis lanjut.
- 6.5 Tuntutan terhadap penahanan hak milik serta levi pelaksanaan terhadap barangan yang ditahan melalui Siegwerk tidak akan dianggap sebagai pembatalan kontrak, kecuali Siegwerk dengan nyata mengisytiharkan pembatalan kontrak secara bertulis. Siegwerk hanya berhak untuk mengeksploitasi barangan yang ditahan dalam cara yang lain selepas pembatalan kontrak.
- 6.6 Pembeli mempunyai obligasi untuk secara tekun menyimpan, menyelenggara dan memperbaiki barangan yang ditahan dengan perbelanjaan ditanggung oleh mereka sendiri untuk Siegwerk dan menginsuranskan barangan terhadap kerosakan, kerugian dan kemusnahan menurut standard pedagang yang tekun. Pembeli telah pun menyerah hak sebarang tuntutan insurans berpotensi atau tuntutan pampasan lain yang berbangkit daripada kerosakan, kerugian atau kemusnahan kepada Siegwerk yang menerima penyerahan tersebut.

## 7. Force Majeure

Sekiranya berlaku Force Majeure atau peristiwa lain yang luar biasa dan tidak boleh diramal yang bukan di bawah tanggungjawab Siegwerk (kedua-duanya dirujuk sebagai "Force Majeure"), yang menyebabkan penyerahan/pelaksanaan menjadi mustahil atau jauh lebih rumit, Siegwerk boleh mengantung penyerahan/pelaksanaan sehingga peristiwa Force Majeure telah terhenti. Keadaan Force Majeure secara khususnya adalah: kekurangan kuasa atau bahan mentah, mogok di tapak Pihak sendiri atau di tapak pihak ketiga, sekat masuk kerja, arahan rasmi, pihak ketiga tidak melaksanakan penyerahan, gangguan operasi dan hal keadaan lain yang bukan dalam tanggungjawab salah satu Pihak. Pihak satu lagi hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta tentang peristiwa Force Majeure dan tempohnya yang dijangka.

## 8. Invois dan Pembayaran

- 8.1 Pembeli mempunyai obligasi untuk membayar harga pembelian dengan diskaun 2% dalam masa 14 hari atau tanpa diskaun dalam masa 30 hari selepas penerimaan invois.

- 8.2 Pembeli hanya berhak menolak obligasi pembayarannya terhadap tuntutan yang tidak dipertikaikan atau tuntutan yang telah dibuktikan dengan mengikat.
- 8.3 Jika Pembeli tertunggak dengan suatu pembayaran, semua akaun belum bayar oleh Pembeli kepada Siegwerk agar menjadi dengan serta-merta kena dibayar, tanpa mengambil kira tempoh matangnya.

## 9. Tuntutan bagi Kecacatan dan Liabiliti

- 9.1 Pembeli mempunyai obligasi untuk memeriksa barangan yang diserahkan dengan segera selepas diterima, melalui cara ujian pantas ('quick-tests') jika berkenaan; dan untuk memaklumkan Penjual tentang kecacatan ketara dalam masa 5 hari selepas penerimaan atau kecacatan tidak ketara dalam masa 2 minggu selepas diketahu. Sebarang aduan, khususnya notis kecacatan, harus dimaklumkan secara bertulis kepada Siegwerk. Di mana Pembeli tidak menyerahkan tuntutan dan notis kecacatannya tepat pada masanya atau bukan dalam bentuk bertulis yang wajar, penyerahan dan pelaksanaan yang dibuat oleh Siegwerk akan dianggap bebas daripada sebarang kecacatan. Jika Pembeli menerima barangan atau pelaksanaan dengan pengetahuan tentang kecacatan, maka Pembeli hanya berhak pada hak warantinya jika Pembeli telah dengan nyata merizab hak ini secara bertulis.
- 9.2 Setakat mana barangan yang diserahkan atau pelaksanaan mempunyai kecacatan, Siegwerk berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menggantikan atau memperbaiki barangan tersebut. Pembeli hendaklah memberi peluang kepada Siegwerk untuk berbuat demikian dalam tempoh masa yang munasabah. Jika penggantian atau pembaikan tidak berjaya, Pembeli berhak membatalkan kontrak atau mengurangkan harga pembelian. Jika nilai atau kebolegunaan barangan atau pelaksanaan hanya dikurangkan secara nominal, Pembeli hanya berhak terhadap pengurangan harga pembelian.
- 9.3 Selanjutnya, Pembeli berhak menuntut gantirugi dan pembayaran balik perbelanjaan yang perlu bagi tujuan pembaikan dan/atau penggantian selaras dengan keperluan statutori. Di samping itu, peruntukan dalam seksyen 9.6 dan 9.7 diguna pakai terhadap tuntutan bagi gantirugi dan pembayaran balik perbelanjaan.
- 9.4 Pembeli berhak terhadap hak rekursa statutori terhadap Siegwerk. Jika Pembeli membuat apa-apa perjanjian yang melebihi tuntutan waranti statutori dengan pelanggannya, hak rekursa Pembeli terhadap Siegwerk tidak merangkum peluasan sedemikian. Ini turut diguna pakai sewajarnya terhadap tuntutan bagi pembayaran balik perbelanjaan.
- 9.5 Siegwerk bertanggungjawab terhadap tujuan yang dirancang atau kesesuaian khusus hanya di mana dipersetujui secara bertulis antara Pihak-pihak. Risiko penggunaan dan aplikasi ditanggung oleh Pembeli.
- 9.6 Sebarang tuntutan atau pembayaran balik perbelanjaan yang boleh dibuat oleh Pembeli terhadap Siegwerk, wakil di sisi undang-undang, pekerja dan agennya (secara kolektif dirujuk sebagai "Agen"), tidak kiralah asas undang-undangnya, hanya sah setakat mana Siegwerk atau Agennya telah bertindak dengan sengaja atau dengan kecuai melampau atau jika obligasi yang dilanggar adalah penting demi memenuhi tujuan kontrak. Liabiliti Siegwerk bagi kemungkinan yang cuai terhadap obligasi kontraktual yang penting adalah terbatas kepada gantirugi yang boleh diramal yang lazim bagi kontrak yang bersifat sebegini dengan syarat sentiasa bahawa liabiliti agregat Siegwerk terhadap semua tuntutan yang berbangkit di sini tidak boleh melebihi Ringgit Malaysia Empat Juta (RM4,000,000.00) atau pembayaran yang diterima bagi barangan yang diserahkan/perkhidmatan yang diberikan, yang mana lebih rendah.
- 9.7 Pengecualian atau pembatasan liabiliti tidak terpakai dalam keadaan di mana Siegwerk bertanggungjawab bagi gantirugi terhadap produk yang terutamanya dibeli atau digunakan bagi maksud diri, rumah tangga atau isi rumah menurut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa termasuk penggabulan semulanya) atau menurut peraturan mandatori lain.
- 9.8 Hak Pembeli terhadap pemetulan kecacatan, gantirugi atau pembayaran balik perbelanjaan dihalang oleh statutor menurut peruntukan statutori.

## 10. Penamatan Luar Biasa

Meskipun sebarang hak penamatan atau pembatalan statutori atau yang dipersetujui melalui kontrak, Siegwerk berhak menamatkan atau menarik diri daripada kontrak tanpa notis, jika komposisi prosiding insolvensi dimulakan terhadap aset Pembeli, atau jika Pembeli melakukan kemungkiran material terhadap kontrak, atau jika situasi kewangan Pembeli merosot dengan teruk, atau jika kejadian yang tidak diramal yang tidak diakibatkan oleh Siegwerk menjadikan pelaksanaan kontrak mustahil atau menyalahi undang-undang.

## 11. Kerahsiaan dan Pengiklanan

- 11.1 Pembeli berakujanji untuk memperlakukan dengan sulit sebarang maklumat, pengetahuan dan bahan, misalnya data teknikal dan data lain, nilai diukur, teknik, pengalaman perniagaan, rahsia perniagaan, kepakaran, ciptaan dan dokumen lain ("Maklumat") yang diterima daripada Siegwerk atau didedahkan dalam sebarang cara lain oleh Siegwerk atau syarikat lain dalam Kumpulan Siegwerk, dan tidak akan mendedahkan Maklumat sedemikian kepada pihak ketiga, tetapi hendaklah menggunakannya semata-mata bagi tujuan melaksanakan kontrak. Pembeli berakujanji untuk memulangkan semua Maklumat yang diberikan kepadanya dalam bentuk nyata seperti dokumen, sampel, specimen, atau sebagainya, tanpa berlengah-lengah lagi apabila diminta oleh Siegwerk tanpa menyimpan sebarang salinan atau nota. Siegwerk mempunyai pemilikan dan semua hak harta intelek terhadap Maklumat yang disebut dalam seksyen 11.1.
- 11.2 Pembeli boleh merujuk kepada perhubungan perniagaan yang wujud dengan Siegwerk dalam bahan maklumat dan pengiklannya hanya dengan kebenaran nyata terdahulu secara bertulis daripada Siegwerk.

## 12. Pelbagai

- 12.1 Pembeli hanya boleh memindahkan hak atau obligasi di bawah kontrak kepada pihak ketiga dengan kebenaran terdahulu secara bertulis daripada Siegwerk.
- 12.2 Pembeli bertanggungjawab untuk mematuhi peruntukan statutori dan pentadbiran berhubung dengan import, pengangkutan, penyimpanan dan penggunaan barangan.
- 12.3 Sekiranya mana-mana peruntukan ini sebahagiannya atau sepenuhnya menjadi tidak sah, kesahan terma-terma yang lainnya tidak akan terjejas.
- 12.4 Perubahan, pindaan dan/atau pembatalan kontrak atau Terma-terma Penyerahan ini hendaklah dibuat secara bertulis.

## 13. Tempat Bidang Kuasa dan Undang-undang yang Diguna Pakai

- 13.1 Semua perhubungan undang-undang antara Pihak-pihak hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia tanpa terjejas oleh undang-undang antarabangsa persendirian.
- 13.2 Pembeli dan Siegwerk dengan ini bersetuju bahawa tempat bidang kuasa eksklusif adalah lokasi pejabat berdaftar Siegwerk, dan Pembeli dengan ini berserah dan menyetujui tempat bidang kuasa eksklusif tersebut.